

Ribuan ikan mati terdampar di Sungai Perai

SH 11/2/2021 m/s 24



David (dua dari kanan) dan Ramasamy (kiri) ketika meninjau keadaan di Sungai Perai pada Selasa.



Penemuan ikan mati di Sungai Perai sejak petang Selasa.

BUTTERWORTH - Ribuan ikan mati di Sungai Perai di sini disyaki berpunca daripada pelepasan air tidak terawat daripada sebuah kilang berhampiran pada Selasa.

Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), David Marshel berkata, pihaknya menerima laporan daripada penduduk di Taman Kimsar di sini selepas melihat ribuan ikan timbul.

Menurutnya, sebaik menerima laporan itu, beliau bersama Timbalan Ketua Menteri II, P Ramasamy serta beberapa ahli majlis lain ke lokasi terbabit bagi melihat sendiri apa yang berlaku.

“Saya hubungi Jabatan Krisis MBSP supaya mengambil sampel air dan bangkai ikan untuk dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar.

“Perkara ini turut dipanjangkan kepada Exco Alam Sekitar Pulau Pinang, Phee Boon Poh untuk tindakan lanjut kerana ia mengancam hidupan sungai dan membahayakan kepada orang ramai,” katanya pada Rabu.

David berkata, setakat ini pihaknya menerima maklumat awal berkenaan insiden pelepasan air tanpa dirawat ke dalam Sungai Perai oleh sebuah kilang di tepi sungai terbabit.

Katanya, satu laporan polis juga sudah dibuat terhadap kilang tersebut untuk siasatan lanjut dan tindakan sewajarnya.

“Kejadian sebegini perlu dihentikan demi alam sekitar dan orang ramai. Saya harap Jabatan Alam Sekitar mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab dengan perbuatan ini,” katanya.

Dalam pada itu, David meminta pemancing atau nelayan tidak menangkap ikan di sungai terbabit kerana di khawatiri akan menyebabkan masalah lain sekiranya makan ikan yang telah tercemar.